

NILAI MODAL INSAN DALAM NOVEL SEBAGAI SUMBER TRANSFORMASI IDENTITI BELIA DI MALAYSIA

MOHD RASHID MD IDRIS & NORITA AZRINI MOHD NAWI

ABSTRAK

Makalah ini melihat keampuhan Teori Falsafah Bahasa sebagai wahana penyampai nilai dan ilmu. Teori ini menekankan tiga prinsip asas, iaitu berbahasa dengan menggunakan nahu yang betul mengikut konteks, berbahasa untuk menyampaikan maklumat yang benar, dan berbahasa sebagai suatu ibadah. Rata-rata masyarakat di Malaysia terutama golongan belia amat menggemari genre novel sebagai bahan bacaan. Kehidupan beragama juga menjadi pilihan majoriti masyarakat Malaysia termasuk golongan belia. Novel yang dipilih ialah 'Seteguh Karang' yang dipelajari di sekolah menengah telah memperlihatkan prinsip-prinsip dalam teori ini diamalkan. Di samping itu, novel ini juga telah membuktikan wujudnya nilai modal insan yang mampu menjadi penjana dan penghubung transformasi identiti belia di Malaysia. Berdasarkan data yang dianalisis, terbukti lima nilai modal insan untuk membangunkan generasi yang mempunyai ciri-ciri berikut i) kualiti asas jasmani, emosi, rohani dan intelektual, ii) berjiwa besar dan cita-cita menggunung, iii) mengamalkan al-Quran dan al-Sunnah atau berakhlak mulia, iv) mempunyai pandangan hidup dan mempunyai keyakinan diri yang tinggi, dan v) berdikari.

Kata Kunci: Teori Falsafah Bahasa, Nilai Modal Insan, Novel, Transformasi, Identiti Dan Belia

ABSTRACT

These articles see the magical philosophy of language theory as the vehicle science communicator value. The theory emphasizes three fundamental principles of language with use correct grammar in context, language to convey the correct information, and language as a religious. The average community in Malaysia, especially the youth, they use novel as a genre love reading. Religious life is the choice of the majority of Malaysian society including youth. Selected novel is 'Seteguh Karang' they have learned in high school has seen the principles in this theory in practice. In addition, this novel has also proven the existence of human capital value could be the generator and connecting the identity transformation of youth in Malaysia. Based on the data analyzed, proved to exist at least five values of human capital to develop the next generation with the following characteristics i) the quality of basic physical, emotional, spiritual and intellectual, ii) a big heart

and ambition, iii) to adopt al-Quran and the Sunnah or moral standards, iv) has a view of life and have high self confidence and v) self- reliance.

Keywords: *Theory Philosophy of Language, The Value of Human Capital, Novel, Transformation, Identity And Youth*

PENGENALAN

Kerangka teoretikal kajian ringkas ini memperlihatkan kewibawaan Teori Falsafah Bahasa (Mohd Rashid Md Idris, 2007) terhadap data kajian, iaitu novel 'Seteguh Karang' oleh Tuan Faridah Syed Abdullah. Pengarang novel ini telah membuktikan bahawa karya beliau sememangnya terkait secara langsung dengan tiga prinsip asas dalam teori ini. Prinsip-prinsip yang dimaksudkan ialah pertama, pengarang telah menggunakan bahasa dengan nahu yang betul dan mengikut konteks. Kedua, pengarang turut berbahasa untuk menyampaikan maklumat yang benar dalam karya beliau. Ketiga, pengarang juga telah menggunakan bahasa untuk tujuan ibadah. Ringkasnya, pengarang telah memakai ketiga-tiga prinsip asas daripada teori ini sehinggakan kegiatan berbahasa oleh pengarang melalui karyanya kelihatan sempurna.

Modal Insan bertujuan melahirkan generasi yang sempurna iaitu memenuhi segala aset yang diperlukan. Menurut Kamus Dewan, 'modal' bermaksud sesuatu yang digunakan untuk mendapatkan atau mencapai sesuatu yang lain dan sesuatu yang digunakan sebagai asas untuk mengembangkan harta. Maksud 'insan' pula ialah sebagai makhluk yang diciptakan oleh Tuhan. Gabungan daripada perkataan modal dan insan ini membentuk perkataan 'modal insan' yang digunakan sebagai asas untuk pengembangan atau mencapai sesuatu yang dikehendaki oleh manusia. Dalam konteks ini, perkataan modal insan dikenali sebagai human capital dan sudah lama diguna pakai di Eropah sejak abad ke 2 oleh Adam Smith. Kemudian, telah diterapkan ke alam pendidikan di Malaysia pada abad ke-20. Menurut Tun Abdullah Ahmad Badawi, modal insan merupakan individu yang berilmu, berkeyakinan, mempunyai nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan santun, berdisiplin, dinamik, inovatif, kreatif, sihat, bersemangat patriotik, adil, progresif, cekal dan berdaya saing.

Sejajar dengan aspirasi Wawasan 2020 ke arah sebuah Negara maju dengan acuan sendiri, konsep dan pakej holistik modal insan Malaysia bukan sahaja ditentukan oleh peningkatan kualiti pengetahuan dan intelek semata-mata. Sebaliknya, elemen moral dan etika juga diberi penekanan dalam memberi pakej keseimbangan modal insan kamil yang bertaraf dunia. Inilah acuan minda kelas pertama yang memberi nilai tambah dan identiti kepada masyarakat Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang dalam memperkasakan tamadun agama, bangsa dan Negara.

Menurut Tun Abdullah Ahmad Badawi dalam perutusan sempena sambutan hari kemerdekaan ke-48 pada 2005, kita perlu memastikan pembangunan modal insan ini diseimbangkan dengan kemantapan rohani setiap rakyat kerana keseimbangan itu perlu, khususnya daripada aspek mengamalkan dan mengekalkan budi bahasa yang bermutu tinggi dalam usaha Negara bersaing dengan Negara maju, mahupun Negara membangun. Oleh itu, berdasarkan beberapa definisi mengenai modal ini jelaslah menunjukkan modal insan merupakan individu yang seimbang sama ada dari segi pengetahuan, emosi, jasmani dan juga rohani dan modal insan penting kepada sesebuah Negara untuk melangkah lebih jauh dan berdaya saing.

Daya kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak juga tidak kurang hebatnya. Beliau telah meneruskan usaha-usaha Tun Abdullah Ahmad Badawi sebelum ini dengan transformasi yang lebih trampil. Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak pula menyifatkan golongan belia sebagai kumpulan demografi terbesar rakyat Malaysia yang amat penting bagi hala tuju dan masa depan Negara. Beliau menganggap bahawa golongan belia merupakan pemangkin kepada kejayaan transformasi Negara.

Di bawah perancangan dan pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (PTK), Dato' Seri Mohd Najib telah menggariskan tiga fasa pelaksanaan program PTK. Fasa yang ketiga jelas menunjukkan bahawa pembentukan modal insan oleh golongan belia sangat dititikberatkan. Kemuncak bagi fasa ini menjelaskan bahawa setiap rakyat perlu mempunyai jati diri dan semangat cinta Negara dengan melihat diri masing-masing terlebih dahulu sebagai rakyat Malaysia kemudian barulah mengikut agama, bangsa, kawasan geografi, latar belakang sosial, ekonomi dan kecenderungan politik. Dalam pernyataan ini dinyatakan bahawa modal insan yang ingin dicapai ialah perasaan jati diri dan semangat cinta Negara. Dalam konteks ini, Perdana Menteri inginkan belia menjadi modal insan yang hidup dengan mengamalkan perpaduan bagi membentuk sebuah masyarakat yang harmoni dan berjaya. Belia yang dapat mencapai nilai-nilai yang terkandung dalam modal insan dan mempraktikkannya dalam kehidupan seharusnya mampu memacu ke arah kejayaan Negara.

Golongan belia menjadi sasaran utama dalam pembangunan modal insan kerana golongan ini berpotensi luas untuk dibangunkan di samping merupakan golongan yang bakal menerajui Negara suatu masa nanti. Keadaan ini turut mendorong Falsafah Pendidikan Kebangsaan menetapkan bahawa pendidikan yang diterima oleh masyarakat sepatutnya mampu menghasilkan modal insan yang memberi pulangan yang baik kepada Negara. Memetik pernyataan Dato' Seri Naitih dalam perutusannya sempena Hari Belia Negara 2011 beliau menyatakan

bahawa semangat kesukarelawanan harus dinyalakan kembali, dipacu oleh daya tenaga serta idealisme golongan belia. Modal insan yang disentuh di sini ialah kesukarelawanan atau tolong menolong sesama ahli masyarakat di bawah satu identiti yang sama. Menurutnya lagi, semangat dan azam yang membara di kalangan anak muda atau belia seharusnya disalurkan ke arah aktiviti bermanfaat yang dapat membangunkan diri dan mengambil peluang sosioekonomi yang kian bertambah. Kesemua ini merupakan transformasi belia yang digagaskan oleh Perdana Menteri dan jelas merangkumi nilai-nilai modal insan yang sepatutnya ada pada setiap belia (Dato' Seri Najib, 2011).

PERBINCANGAN

Modal insan amat penting dalam membentuk sesebuah Negara yang maju. Individu yang bermodal insan haruslah melengkapi diri dengan ciri-ciri yang ada untuk menjadi seseorang yang bermodal insan. Ciri-ciri modal insan ialah generasi yang terbina daripada kualiti asas iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelektual, generasi yang berjiwa besar dan cita-cita menggunung, generasi yang mengamalkan al-Quran dan al-Sunnah atau berakhlak mulia, generasi yang mempunyai pandangan hidup dan mempunyai keyakinan diri yang tinggi serta generasi yang membina imej berdikari. Dalam konteks ini, perbincangan adalah mengulas mengenai sinopsis novel 'Seteguh Karang' karya Tuan Faridah Syed Abdullah dan mengkaji aspek atau ciri-ciri modal insan yang terdapat dalam novel tersebut.

SINOPSIS NOVEL 'SETEGUH KARANG'

Novel karya Tuan Faridah Syed Abdullah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur pada 2004. Watak-watak yang terdapat dalam novel ini ialah Awanis, Maysarah, Anita, Pak Oni, Encik Johari, Encik Basri, Wan Asri, Kak Nor, Kak Maznah, Kak Sofia, Budi, Maria, Syakila, Cikgu Rushda, Puan Mary Lee, Mak Cik Tipah, Abang Farid dan Firdaus. Dalam novel ini Awanis merupakan watak utama yang menggerakkan cerita. Novel ini mengisahkan tentang sikap berdikari dalam diri Awanis yang menempuh segala cabaran hidup tanpa berputus asa. Dalam novel ini Awanis merupakan anak kedua daripada tiga beradik iaitu kakak sulungnya Maysarah dan adiknya Anita tetapi adiknya Anita hanyalah anak angkat yang diambil oleh arwah ibu dan bapanya. Anita berasal daripada keluarga Cina dan telah dibuang oleh keluarganya sendiri kerana keluarganya menganggap Anita sebagai pembawa sial dalam keluarga.

Ibu dan bapa Awanis meninggal dunia disebabkan kemalangan jalan raya semasa ingin menjemput dan memujuk kakaknya Maysarah di rumah nenek mereka di Pulau Pinang. Selepas ibu dan bapa mereka meninggal Maysarah tidak lagi seperti sebelumnya iaitu tiada lagi ceria dalam dirinya yang ada hanya

kekusaman dan sikap berputus asa di dalam hidup. Maysarah menyalahkan dirinya di atas kematian kedua ibu bapanya dan dia menganggap dirinya penyebab adiknya Awanis menjadi yatim piatu.

Setelah kedua ibu bapanya meninggal dunia, Maysarah yang mengambil alih tugas syarikat ayahnya. Awanis tetap tabah meneruskan hidup berbeza dengan sikap kakaknya. Awanis seorang anak gadis yang tidak mudah putus asa dan berdikari. Dia meneruskan pelajarannya dalam bidang perladangan di Institut Teknologi MARA Cawangan Perlis dengan berbekalkan semangat dan tidak mengenal erti putus asa. Buktinya, Awanis pantang dicabar dan diperlekeh malah dia lebih sukakan cabaran di dalam hidupnya. Keadaan ini digambarkan semasa Awanis terpaksa mendaftarkan diri seorang diri di pusat pengajian tinggi dan semasa dia melaksanakan praktikalnya yang memaksa Awanis menempuh pelbagai cabaran.

Keluarga Awanis menghadapi pelbagai masalah setelah kedua ibu bapanya meninggal. Buktinya, melalui sikap Kak Maysarah hidup dalam dunianya sendiri, ditambah pula dengan pelbagai krisis menyebabkan Anita keluar dari rumah. Namun begitu, Awanis berusaha menyedarkan kakaknya dan menyatukan semula keluarganya sama seperti semasa arwah kedua ibu bapanya masih hidup. Akhirnya, Awanis berjaya menyatukan kembali keluarganya setelah melalui pelbagai krisis dan rintangan.

Ciri-ciri Modal Insan

Dalam konteks ini, seseorang yang digelar insan yang bermodal insan di dalam diri haruslah melengkapi dan mempunyai beberapa ciri modal insan dalam diri mereka. Ciri-ciri modal insan ialah mempunyai ciri-ciri seperti berikut iaitu mempunyai kualiti asas jasmani, emosi, rohani dan intelek, berjiwa besar dan cita-cita menggunung, mengamalkan al-Quran dan al-sunnah atau lebih khusus lagi generasi yang berakhlak mulia serta mempunyai pandangan hidup dan mempunyai sikap berdikari. Dengan adanya ciri-ciri ini dalam diri seseorang itu, secara langsung diri mereka telah tergolong dalam mereka yang bermodal insan. Oleh itu, dalam novel 'Seteguh Karang' ini jelas menunjukkan watak utamanya Awanis yang mempunyai beberapa ciri modal insan yang dapat dikesan dalam dirinya dan juga beberapa watak yang tidak mempunyai ciri modal insan seperti kakak Awanis, iaitu Maysarah.

Generasi yang Terbina daripada Kualiti Asas Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelektual

Seseorang yang terbina daripada kualiti asas jasmani, emosi, rohani dan intelektual secara langsung merupakan golongan yang memenuhi ciri-ciri modal insan di dalam diri. Jasmani ialah unsur yang mempunyai ciri-ciri seperti kecergasan

fizikal dan kesihatan diri untuk berdikari dan hidup secara bermasyarakat dan berusaha untuk meningkatkan daya pengeluaran. Dengan menjaga jasmani yang sihat bermakna seseorang itu menghargai dirinya yang diciptakan oleh Allah. Dalam konteks ini, perkembangan tubuh badan sihat ialah meliputi ciri-ciri seperti menjaga kesihatan badan, melakukan riadah, mengembangkan bakat dan kemahiran teknikal dan manipulatif, memanfaatkan tenaga fizikal untuk berdikari, menggunakan tenaga fizikal bagi kepentingan masyarakat dan berusaha meningkatkan daya pengeluaran.

Dalam novel yang dikaji, unsur jasmani ini jelas dapat dilihat dalam diri watak utama iaitu Awanis. Awanis digambarkan mempunyai ciri-ciri unsur jasmani seperti mengembangkan bakat dan kemahiran teknikal serta memanfaatkan tenaga fizikal untuk berdikari. Contohnya, Awanis mengembangkan bakat dan kemahiran teknikalnya semasa dia berusaha mencuba untuk memotong sendiri tandan kelapa sawit. Awanis menggunakan sepenuh tenaganya untuk memotong tandan kelapa sawit dengan berbekalkan ilmu yang telah dipelajari sebelum ini. Contoh perenggan di bawah menggambarkan Awanis menggunakan ilmu yang dipelajari sebelum ini untuk memotong tandan kelapa sawit itu.

“Tetapi malangnya, untuk memotong tandan aku harus tahu caranya yang betul. Harus ikut satu-satu arah yang tertentu dan malahan cara kita memegang chop juga harus betul.”

(Seteguh Karang (2004), Bab 4 : 94)

Dengan ini, jelaslah menunjukkan Awanis mempunyai unsur jasmani yang baik dalam dirinya kerana dia mampu mengembangkan bakat dalam dirinya dan kemahiran teknikal serta memanfaatkan tenaga fizikalnya untuk berdikari dalam apa jua keadaan.

Emosi pula ialah perasaan jiwa yang kuat meliputi ciri-ciri perasaan tenang dan tingkah laku terkawal, memiliki dan memupuk perasaan kasih sayang, memiliki semangat kekitaan dan perpaduan serta menghargai dan menilai keindahan dan kesenian. Dalam konteks ini, Awanis digambarkan sebagai seseorang yang memiliki ciri-ciri perasaan tenang dan tingkah laku yang terkawal. Keadaan ini jelas dapat di lihat melalui perwatakan Awanis yang begitu tenang menghadapi ujian daripada Allah. Awanis tenang dalam menempuh kehidupan walaupun kedua ibu bapanya meninggal di saat dia masih memerlukan kedua ibu bapanya. Namun begitu, Awanis reda dan menerima ketentuan takdir dengan tenang serta mengawal tingkah laku walaupun di dalam hati Awanis amat sedih di atas pemergian kedua ibu bapanya menyambut seruan Ilahi bagi melalui alam kekal. Contoh dapat dilihat melalui bait-bait ayat di bawah:-

“Kerana antara aku, Kak Maysarah dan Anita, akulah dikira orang yang paling tabah, paling bersahaja dalam mendepani segala masalah, paling rasional dan menganggap segala-galanya itu adalah dugaan tuhan ke atas kami. Sewaktu Kak Maysarah secara mendadak seolah-olah hilang peribadinya dan semangat hidup dan Anita pula menangis seminggu, diri aku sendiri tidak apa-apa.”

(Seteguh Karang (2004), Bab 1 : 8)

Dengan ini, jelas menunjukkan Awanis seorang yang begitu tabah dan reda dengan ketentuan Ilahi. Sikap Awanis ini berbeza dengan sikap kakaknya Maysarah yang semenjak daripada peristiwa kematian kedua ibu bapanya, Maysarah tidak lagi seperti sedia kala. Maysarah menjadi seorang yang berputus asa dalam hidup dan tidak dapat menerima takdir yang telah ditetapkan. Oleh itu, sikap Awanis ini jelas menggambarkan dirinya mempunyai kemantapan dari aspek emosi berbanding watak Maysarah.

Awanis juga memiliki perasaan kasih sayang dan belas kasihan pada orang lain yang berada di dalam kesusahan. Buktinya, Awanis begitu prihatin terhadap pekerja Indonesia iaitu Budi yang masih berumur empat belas tahun. Awanis bersimpati di atas nasib Budi yang terpaksa bersusah payah untuk meneruskan kehidupan sehingga dia terpaksa berhenti sekolah untuk bekerja.

Kemudian, kualiti asas melalui unsur rohani. Unsur ini merangkumi aspek kesedaran dan keinsafan bahawa adanya Pencipta. Di samping itu, unsur ini juga mengajar seseorang itu untuk bersyukur dan menghargai pemberian Tuhan yang tidak ternilai banyaknya. Unsur rohani yang ingin diperkembangkan juga memupuk dan membina disiplin diri serta menyedari dan menginsafi tanggungjawab. Kemudian, unsur rohani juga untuk membentuk akhlak mulia. Dalam konteks ini, unsur rohani yang terdapat dalam novel ‘Seteguh Karang’ dapat dikesan melalui watak Awanis yang sentiasa bersyukur dan menghargai pemberian Tuhan. Buktinya, Awanis bersyukur kerana Negara Malaysia begitu aman dan makmur berbanding Negara Indonesia yang masih mundur sehingga rakyatnya hidup melarat dan terpaksa mencari rezeki ke Negara lain. Awanis begitu simpati dengan pekerja Indonesia yang bernama Budi yang terpaksa berhenti sekolah kerana tidak mampu untuk terus bersekolah. Sebaliknya, pemuda-pemuda di Negara Malaysia hidup dalam keadaan mewah tanpa perlu memikirkan kesusahan seperti yang ditanggung oleh pemuda-pemuda di Negara Indonesia. Oleh itu, jelaslah menunjukkan Awanis seorang yang bersyukur dan menghargai pemberian Tuhan.

Unsur intelektual pula ialah unsur yang merangkumi unsur hikmah, daya pemikiran yang logika, analitis, kreatif, inovatif dan ilmu yang bermanfaat.

Contohnya, ciri-ciri intelek merangkumi pemikiran kritis dan kreatif dan mampu untuk menghurai, menaakul, merumus dan menghasilkan idea-idea yang bernas. Apa yang penting ialah potensi intelek hendaklah diasaskan kepada potensi rohani yang suci. Dengan itu, barulah daya intelek akan sihat dan pemikiran akan membawa kepada kebaikan. Unsur intelek termasuklah mempunyai kemahiran asas 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Selain itu, unsur intelek juga merangkumi proses mendapatkan, meningkatkan dan menyebarkan ilmu. Bahkan ilmu yang diperoleh bukan sahaja untuk manfaat diri sendiri tetapi juga untuk manfaat orang lain.

Dalam konteks ini, melalui watak Awanis dapat dilihat bahawa dia kerap melakukan tugas atau keputusan berdasarkan ilmu yang telah dipelajari di Institut Teknologi MARA dan juga melalui pengalaman-pengalaman yang dikutip dalam kehidupan. Contohnya, dapat dilihat melalui perenggan di bawah:

“Sesungguhnya kekasaran begini akan lebih mendewasakan pemikiranku—kedewasaan yang diperlukan untuk hidup di hari-hari depan. Bukan sekadar ilmu pengetahuan yang boleh dikutip daripada buku-buku.”

(Seteguh Karang (2004), Bab 2 : 49)

Seterusnya, contoh lain yang dapat diambil ialah dapat dilihat semasa Awanis berbahas dengan Encik Johari mengenai jalan bukit yang dibuat mengikut cerun. Awanis menggunakan segala ilmu yang dipelajari sebelum ini untuk berbahas dengan Encik Johari. Namun begitu, Encik Johari mempunyai alasan yang tersendiri mengapa dia membuat jalan bukit mengikut cerun bukan seperti yang diterangkan oleh Awanis iaitu harus dibuat mengikut teras dan kontur. Oleh itu, jelaslah Awanis mempunyai unsur intelek di dalam dirinya dan sentiasa mempraktikkan ilmu pengetahuannya itu apabila perlu.

Generasi yang Berjiwa Besar dan Cita-cita Menggunung

Generasi yang berjiwa besar dan mempunyai cita-cita yang tinggi ialah generasi yang berkualiti. Hal ini demikian kerana, mereka akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai impian atau cita-cita yang ingin dicapai. Dalam konteks ini, dalam novel ‘Seteguh Karang’ Awanis digambarkan mempunyai cita-cita yang tinggi untuk berjaya di dalam pelajaran.

Dalam konteks ini, walaupun Awanis digambarkan tidak sebijak kakaknya iaitu Maysarah namun Awanis tetap berusaha untuk berjaya di dalam pelajaran. Buktinya, Awanis berusaha untuk berjaya dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) walaupun dia gagal buat kali pertama menduduki peperiksaan. Namun, disebabkan semangat dan cita-cita menggunung dalam

dirinya dia tetap berusaha dan tidak berputus asa. Awanis mengambil kembali peperiksaan buat kali kedua dan akhirnya usaha Awanis berjaya.

Oleh itu, pentingnya seseorang itu mempunyai cita-cita yang tinggi kerana dengan adanya cita-cita secara langsung menyumbang kepada kejayaan seseorang itu dalam kehidupan dan generasi seperti ini yang diperlukan oleh sesebuah Negara. Oleh itu, jelaslah yang Awanis mempunyai perwatakan ciri-ciri generasi yang berjiwa besar dan mempunyai cita-cita yang menggunung dan secara langsung Awanis mempunyai ciri-ciri modal insan dalam dirinya.

Generasi yang Mengamalkan Al-Quran dan Al-Sunnah atau Berakhlak Mulia

Berakhlak mulia bermaksud rakyat yang mempunyai tingkah laku yang bersopan santun, berdisiplin, beradab dan bersepadu iaitu menghayati nilai-nilai kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Perkara yang paling penting dalam berkelakuan baik ini haruslah membawa cinta seseorang kepada Allah S.W.T. Dalam konteks ini, generasi berakhlak mulia juga dapat dikesan melalui perwatakan Awanis.

Awanis digambarkan seorang anak gadis yang mempunyai perwatakan yang berakhlak mulia kerana sentiasa berpegang pada ajaran agama. Misalnya, Awanis digambarkan tidak pernah membonceng motosikal dengan lelaki. Walaupun, dia hidup tanpa ada ibu bapa untuk mengawal tingkah lakunya tetapi Awanis tidak melanggar peraturan-peraturan yang harus dipatuhi. Contohnya, dapat dilihat melalui perenggan di bawah :

“Aku memang gadis lepas bebas yang tak pernah dikawal oleh sesiapa dan hidup dalam lingkungan masyarakat lelaki di kampus, tapi aku belum pernah membonceng motosikal mana-mana lelaki. Tidak teringin aku!”

(Seteguh karang (2004), Bab 3 : 75)

Dengan ini, jelaslah menunjukkan Awanis seorang gadis yang menjaga tingkah laku walaupun hidup bebas.

Kemudian, contoh lain yang menggambarkan Awanis seorang yang mengamalkan al-Quran dan al-Sunnah ialah dapat dilihat melalui perenggan di bawah:

“Dan sambil menghembus keluar nafas yang sesak di dada, aku berdoa; Tuhan, tabahkanlah hatiku. Tabahkanlah hatiku selama enam minggu berikut ini. Engkaulah satu-satunya tempat pergantunganku di dunia ini. Amin.

Apabila mengingatkan Tuhan, aku bergegas bangun. Aku terasa cukup berat kerana harus melawan mengantuk dan letih tetapi akhirnya aku menukar pakaian dan keluar mengambil wuduk untuk sembahyang asar.”
(Seteguh Karang (2004), Bab 3 : 58)

Dengan ini, jelaslah menunjukkan Awanis seorang yang mengamalkan al-Quran dan al-Sunnah apabila dia sentiasa berdoa memohon kepada Allah S.W.T ketika menghadapi kesulitan. Kemudian, Awanis juga berjaya mengawal nafsu untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai orang Islam, iaitu sembahyang walaupun dia dalam keletihan.

Seterusnya, Awanis juga seorang yang baik budi pekerti apabila dia membenarkan seorang perempuan tua yang uzur untuk duduk di tempat duduknya semasa di dalam bas. Ciri-ciri golongan muda seperti ini yang perlu ada dalam membentuk sebuah Negara yang berjaya bukan sahaja dalam ilmu pengetahuan tetapi akhlak juga. Awanis juga seorang yang pandai menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi. Buktinya, Awanis sopan santun semasa berada di rumah Kak Nor, dan sentiasa menolong Kak Nor di dapur. Keadaan ini, menunjukkan Awanis seorang gadis yang bersopan santun dan tahu adat apabila berada di rumah orang. Oleh itu, jelaslah bahawa Awanis seorang gadis yang mengamalkan al-Quran dan al-Sunnah atau berakhlak mulia.

Generasi yang Memiliki Pandangan Hidup dan Keyakinan Diri

Seseorang yang berjaya dalam kehidupan haruslah mempunyai pandangan hidup dan mempunyai keyakinan diri yang tinggi. Hal ini demikian kerana, tanpa pandangan hidup dan keyakinan diri seseorang itu tidak akan mempunyai prinsip dalam hidup dan kehidupannya tidak terarah atau bermotif. Dalam konteks ini, watak Awanis digambarkan seorang yang mempunyai pandangan hidup dan keyakinan diri yang tinggi. Buktinya, Awanis tidak suka dengan sikap kakaknya iaitu Maysarah yang tidak dapat menerima takdir yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T ke atas dirinya sehingga membiarkan dirinya lena dalam kemurungan. Bagi Awanis hidup harus diteruskan dan setiap kejadian ada hikmah yang tertentu.

Di samping itu, Awanis juga mempunyai keyakinan diri yang tinggi kerana dapat menyesuaikan diri di mana sahaja. Buktinya, Awanis terpaksa mendaftarkan diri seorang di Institut Teknologi MARA Cawangan Perlis tanpa ditemani oleh sesiapa. Awanis juga seorang yang yakin dalam melalui kehidupan yang penuh berliku. Dia percaya setiap usaha yang dilakukan dengan bersungguh-sungguh pasti akan membuahkan hasil. Sikap Awanis ini jelas menggambarkan dia seorang yang mempunyai keyakinan diri yang tinggi.

Generasi yang Membina Imej Berdikari

Generasi muda zaman kini jarang yang mempunyai sikap berdikari dalam diri tetapi sebaliknya, lebih suka mengambil jalan mudah atau bergantung pada seseorang untuk mendapatkan sesuatu. Namun begitu, harus diakui untuk menjadi sebuah Negara yang maju dalam pelbagai aspek, sikap berdikari ini perlu ada dalam diri generasi muda yang akan menerajui Negara suatu hari nanti. Dalam konteks ini, sikap berdikari juga merupakan salah satu ciri yang perlu ada dalam diri seseorang yang bermodal insan. Novel ‘Seteguh Karang’ ini begitu sarat dengan unsur atau imej berdikari yang digambarkan melalui watak Awanis dalam menempuh kehidupan.

Dalam novel ini, Awanis digambarkan seorang gadis atau generasi muda yang mempunyai imej berdikari iaitu boleh meneruskan hidup tanpa bergantung kepada sesiapa. Contohnya, dapat dilihat melalui perenggan di bawah ini:-

“Dalam suasana berkabung itu tanpa dibantu oleh sesiapa, tanpa diiringi oleh saudara-mara kerana mereka semua masih panik dan tidak percaya pada tragedi itu, aku mendaftar sendiri ke Indera kayangan yang belum pernah kujejaki seumur hidupku. Dengan bertanya sana sini, aku selamat juga tiba di Institut Teknologi MARA Cawangan Perlis dan selamat mendaftar.”

(Seteguh Karang (2004), Bab 1 : 8)

Dengan ini, jelaslah menunjukkan Awanis seorang gadis yang hidup berdikari kerana dia terpaksa menempuh kehidupan dalam usia yang muda tanpa kedua ibu bapanya. Awanis juga dapat menyesuaikan diri walau di mana sahaja dia berada. Misalnya, semasa Awanis menjalani praktikal dia terpaksa menyesuaikan diri dan menjadi seorang yang berdikari. Oleh itu, jelaslah sikap Awanis yang berani menempuh segala rintangan hidup dan dapat menyesuaikan diri di mana sahaja dia berada menggambarkan dirinya yang mempunyai imej berdikari.

KESIMPULAN

Dengan ini, jelaslah menunjukkan novel ‘Seteguh Karang’ banyak memuatkan ciri-ciri modal insan dalam watak utamanya iaitu Awanis. Awanis seorang gadis yang membesar dalam lingkungan yang serba mencabar sehingga menjadikannya seorang yang kuat dalam menempuh kehidupan. Buktinya, Awanis tidak suka dirinya digelar anak manja kerana statusnya sebagai seorang perempuan. Hal ini demikian kerana, bagi Awanis sepanjang hidup dirinya tidak pernah dimanjakan sebaliknya, dia sentiasa bekerja keras untuk mendapatkan sesuatu.

Ciri-ciri modal insan yang terdapat dalam diri Awanis ini amat perlu untuk membentuk generasi yang berilmu disertakan dengan akhlak yang terpuji. Awanis juga seorang yang suka mendapatkan kemahiran melalui pengalaman yang dilalui atau dilakukan sendiri tanpa bantuan daripada orang lain. Namun begitu, dalam novel ini juga terdapat watak yang tidak mempunyai ciri-ciri modal insan dalam diri dan golongan ini yang akan menjadikan sebuah Negara mundur serta tidak mampu mencapai sebuah Negara yang maju selengkapnyanya. Misalnya, melalui watak Maysarah yang tidak mempunyai unsur rohani dan juga undur emosi dalam dirinya iaitu tidak menerima takdir yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T dan mudah berputus asa dalam hidup. Dengan ini, jelaslah menunjukkan novel 'Seteguh Karang' karya Tuan Faridah Syed Abdullah ini begitu sarat dengan ciri-ciri modal insan terutamanya melalui watak utama, iaitu Awanis.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan, 1984. *Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Arbak Othman, 1983. *Permulaan Ilmu Linguistik: Suatu Pengenalan Konsep dan Bidang Kajian Secara Teoretis*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Asraf, 1981. "Suatu Segi Pandangan Tentang Tatabahasa." Dewan Bahasa. Jilid 25. Bil 1.
- Asraf, 1988. *Kesalahan – kesalahan dalam Penggunaan Bahasa Melayu (Frasa dan Ayat)*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Awang Sariyan, 1985. "Aspek-aspek Tatabahasa dalam Pertuturan dan Penulisan Bahasa Melayu Baru." Kursus Bahasa Malaysia untuk Golongan Profesional (11 Mei). Anjuran Persatuan Linguistik Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jurnal IPPBM – Edisi Jun (23/3/12) dan Edisi Disember (24/8/12).
- Kamarudin Hj. Husin, 1994. *KBSM dan Strategi Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lufti Abas, 1975. *Linguistik Deskriptif dan Nahu Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Rashid Md Idris, 2007. *Monograf Bahasa Melayu. Jilid 2*. Kuala Lumpur: IIUM Press.

- Mohd Rashid Md Idris & Abu Hassan Abdul, 2010. *Falsafah Pendidikan Bahasa*. Tanjung Malim: Emeritus Publications.
- Mohd Rashid Md Idris, 2011. *Nilai Melayu dalam Pantun*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Rashid Md Idris, 2012. *Teori Falsafah Bahasa (Teori Rashid)*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir, 2009. *Teori Bahasa Aplikasinya Terhadap Pengajaran Tatabahasa*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nik Safiah Karim, et.al. , 2008. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Perutusan YAB Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak sempena Hari Belia Negara 2011. (2011) Diperoleh pada Mac 13, 2012 daripada <http://www.1malaysia.com.my/myspeeches/perutusan-yab-dato'-sri-najib-sempena-hari-belia-negara-2011>
- Raminah Hj. Sabran & Rahim Syam, 1985. *Kajian Bahasa untuk Pelatih Maktab Perguruan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Salleh Mohd Akib, Ismail Idris & Hamzah Mahmood, 1977. *Prinsip dan Kaedah Pengajaran Bahasa*. Cetakan Keempat. Kelantan:Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Slametmuljana, 1960. *Kaedah Bahasa Indonesia*. Jakarta:Penerbit Djambatan.
- Sukatan Pelajaran Bersepadu Sekolah Menengah Bahasa Melayu, 2001. Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Wan Kalsom Wan Jaafar. Program transformasi kerajaan (PTK/GTP). Diperoleh pada Mac 13, 2012 daripada <http://www.pmr.penerangan.gov.my/index.php/6815-program-transformasi-kerajaan-ptk.html>

Profil Penulis

*Mohd Rashid Md Idris, PhD
Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
rashid@fbk.upsi.edu.my*

*Norita Azrini Mohd Nawi
Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris*